



19 Mei 2012

SIARAN MEDIA BERSAMA

**Oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Dan MPMA Scientex Foundation**

28.833 TAN BARANGAN KITAR SEMULA BERJAYA DIKUMPUL

Melaka, 19 Mei 2012 - Bertempat di Universtiti Teknikal Malaysia Melaka, YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, telah merasmikan **Majlis Penyampaian Anugerah "MPMA-Scientex Foundation 3Rs Awareness Programme 2012, Melaka**. Program ini telah berlangsung selama 6 minggu bermula pada 24 Mac 2012 dan melibatkan penyertaan sebanyak 50 buah sekolah dengan pecahan 39 buah Sekolah Rendah dan 11 buah Sekolah Menengah di seluruh Negeri Melaka.

MPMA- Scientex Foundation 3Rs Awareness Programme 2012 ini adalah merupakan penganjuran kali ketiga dan ianya bertujuan untuk mewujudkan kesedaran orang ramai terutamanya generasi muda dari terus memelihara dan memulihara alam sekitar melalui amalan 3R iaitu Kurangkan, Guna Semula dan Kitar Semula dalam kehidupan seharian. Justeru itu, pelbagai aktiviti dan pertandingan menarik melibatkan golongan pelajar telah diadakan. Pertandingan ini merupakan platform untuk mereka mempamerkan bakat seni dan kreativiti masing-masing. Antara pertandingan yang telah diadakan sepanjang program ini berlangsung adalah Inovasi dari Bahan kitar semula, Melukis Poster, video 3R dan pengumpulan bahan-bahan kitar semula. Hadiah yang ditawarkan kepada setiap pemenang dalam pertandingan yang diadakan juga cukup lumayan iaitu RM30,000 keseluruhan.

YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam ucapannya menerusi sesi tayangan video berkata, penganjuran program tersebut merupakan contoh kerjasama yang baik di antara pihak Kerajaan dan Swasta dalam usaha menguruskan sisa pepejal di Malaysia.

Pada majlis tersebut, YBhg. Dato' Dr. Nadzri menegaskan bahawa kerjasama diantara badan-badan bukan kerajaan, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan amat perlu jika kita ingin mencapai sasaran kitar semula yang telah ditetapkan iaitu 22% dalam tahun 2020. Malah semasa Bengkel atau Lab mengenai pengurusan sisa pepejal baru-baru ini, kita ingin menasarkannya hanya 60% sisa pepejal di lupuskan di tapak pelupusan. Oleh itu, kita mesti bekerja keras untuk meningkat peratus kitar semula supaya sasaran ini dapat dicapai.

Dalam majlis yang sama, En. Lim Kok Boon, Presiden MPMA berkata, sejumlah 28.833 tan bahan-bahan kitar semula telah berjaya diperolehi dan ianya menggambarkan penglibatan yang sangat memberangsangkan oleh para pelajar dalam usaha mereka menjayakan program tersebut. Selain itu, beliau turut menasihati para pelajar agar tidak membuang sampah merata-rata, berfikir dahulu sebelum buang serta mempraktikkan konsep 3R secara berterusan.

Program ini merupakan anjuran bersama MPMA- Scientex Foundation dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dengan sokongan Kerajaan Negeri Melaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pelancongan Malaysia dan SWM Environment Sdn Bhd.

Mengenai JPSPN

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) pada 17 Julai 2007 bagi mengintegrasikan sistem pengurusan sisa pepejal di peringkat nasional. JPSPN memainkan peranan dalam menyediakan dasar, perancangan strategik dan pengurusan sisa pepejal bersepadu (SWM) di peringkat makro. Selain bertanggungjawab untuk menggubal Peraturan-Peraturan lain sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta 672, Jabatan juga menetapkan standard, spesifikasi dan kod amalan.

Visi Jabatan ini adalah menyediakan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lestari, bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif

Mengenai MPMA

Persatuan Pengilang-Pengilang Plastik Malaysia (MPMA), yang ditubuhkan pada tahun 1967, merupakan persatuan perdagangan yang progresif dalam menyediakan kepimpinan dan perkhidmatan yang berkualiti kepada ahli-ahlinya dan industri plastik di Malaysia. MPMA merupakan pertubuhan rasmi industri plastik Malaysia, yang mewakili ahli-ahli dalam industri ini dalam berinteraksi dengan Kerajaan, menerajui pertumbuhan industri plastik, dan menyediakan platform untuk membantu ahli lebih berdaya saing di peringkat global dengan mengutamakan tanggungjawab sosialnya ke arah persekitaran masyarakat yang sihat dan selamat.

MPMA kini mempunyai lebih kurang 800 ahli yang terdiri daripada ahli-ahli biasa, yang mewakili kira-kira 60 peratus daripada pengeluar plastik di negara ini yang merupakan 80 peratus daripada jumlah pengeluaran produk plastik negara \

Mengenai Scientex Foundation

Scientex Foundation telah ditubuhkan pada 26 Jun 2008 Akta Syarikat, 1965 sebagai sebuah Yayasan Korporat yang berdaftar. Penubuhan ini didorong oleh keprihatinan Syarikat utamanya, Scientex Berhad, dalam isu-su berkaitan kesihatan dan alam sekitar

Ia adalah sebuah pertubuhan amal (*non-profit charitable organization*) yang dibiayai oleh sumbangan daripada Kumpulan Scientex Berhad serta sumbangan secara sukarela dari individu yang berminat dan organisasi swasta.

Dikeluarkan oleh	:	Unit Komunikasi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan & MPMA – Scientex Foundations
Telefon	:	03-8891 4561 03- 7876 3027
Faks	:	03-8891 5557 03- 7876 8352
E-mail	:	siti_mariani@kpkt.gov.my sriumeswaran@mpma.org.my